

KEBEBATAN bangsa Melayu dalam teknologi perkapalan dan penguasaan mereka dalam aspek perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka mendapat perhatian pada Seminar Aspek-aspek Keilmuan Etnomatematik Tamadun Melaka di Bangunan Matematik, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof Madya Dr Pisol Maidin, berkata teknologi perkapalan zaman Kesultanan Melayu Melaka memiliki kemampuan untuk memenuhi keperluan ekonomi, sosial dan politik sebelum bermulanya era penjajahan.

“Kemampuan kapal Melayu mengharungi lautan dinyatakan dalam semua teks klasik Melayu termasuk *Hikayat Hang Tuah* dan *Sejarah Melayu*. Ia turut diakui sarjana Portugal, Tomes Pires dalam *Suma Oreintal* yang menyatakan kapal Melaka belayar menjangkau India termasuk Pantai Koromandel, Teluk Benggala dan Ceylon,” katanya ketika membincangkan *Teknologi Perkapalan Zaman Kesultanan Melayu Melaka*.

Kelebihan bangsa Melayu dalam perkara terbabit turut diperakukan ahli sejarah ekonomi, van Leur yang terkenal dengan analisis perdagangan di Asia Tenggara berpendapat, perdagangan di Melaka dijalankan dalam skala kecil-kecilan, walaupun beroperasi merentas benua dari Mediterranean hingga ke Jepun.

Pandangan van Leur itu secara tidak langsung membawa kesimpulan teknologi perkapalan Melayu masih rendah dan tidak sesuai untuk perdagangan jarak jauh dan pedagang tempatan perlu bergan-

Melayu hebat harungi lautan

Teknologi perkapalan Melayu diperkatakan sarjana barat dan timur

● NUR ADIBAH AHMAD IZAM | BERITA HARIAN



KHALAYAK pada Seminar Aspek-Aspek Keilmuan Etnomatematik Tamadun Melaka di Universiti Putra Malaysia.

tung kepada perahu asing, tidak bermakna perahu alam Melayu bersaiz kecil dan tidak mampu meredah lautan mungkin benar pada tempat tertentu saja.

“Sungguhpun perahu Melayu lebih kecil berbanding Eropah terutama selepas penguasaan Eropah terhadap laluan perdagangan maritim alam Melayu, ia adalah strategi mengendalikan aktiviti perdagangan pada ketika itu. Hakikatnya, perahu Melayu mempunyai saiz yang pelbagai dan sentiasa berubah mengikut keperluan dan suasana sezaman.

“Contohnya, kapal yang paling bagus untuk tujuan perdagangan dan ketenteraan jarak jauh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah jong yang digunakan sehingga abad ke-17 dan boleh membawa muatan 250 hingga 1,000tan serta lebih 100 anak kapal. Untuk pengangkutan jarak dekat, perahu Baluk yang boleh membawa muatan sehingga lima tan digunakan dan terus beroperasi sehingga abad ke-19,” katanya.

Menyentuh aspek perdagangan ketika zaman Kesultanan Melayu Melaka, Pensyarah Institut Penyelidikan Matematik UPM, Dr Sharifah Kartini Said Husain menjelaskan, ia dilakukan menerusi sistem mata wang, sukatan, infrastruktur dan pengurusan yang sistematik.

“Melaka pada ketika itu sering digambarkan sebagai pelabuhan yang sibuk dengan jumlah pedagang yang ramai oleh sejarawan Barat seperti Giovanni da Empoli dan Duarte Barbosa, selain dalam teks *Sejarah Melayu*.

“Berdasarkan skala perdagangan yang sangat besar yang wujud di Melaka ketika itu, satu sistem perdagangan dan perniagaan yang tersusun dan sistematik telah diguna pakai di bandar raya pelabuhan tersebut,” katanya ketika membicarakan *Beberapa*

Aspek Perdagangan di Melaka Sebelum dan Selepas Kedatangan Portugis: Satu Kajian Awal.

Dr Sharifah Kartini berkata, mata wang yang digunakan untuk perdagangan pada ketika itu ialah duit Pasai dan duit timah, manakala mata wang asing pula seperti duit tembaga China dan emas dinar, di samping duit timah tempatan iaitu pitis diperkenalkan pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Syah dan juga mata wang syiling.

Beliau berkata, bagi sistem sukatan berat, unit tahil dan kati digunakan secara meluas untuk mengukur berat barang dagangan serta emas, walaupun hasil bumi Melaka tidak banyak, namun ia menjadi kota yang kaya dan makmur disebabkan lokasinya yang strategik sebagai pelabuhan antara laluan timur dengan barat.


“Kelebihan itu digunakan sebaiknya oleh pemerintah Melaka dengan menjadikannya sebagai pelabuhan yang disenangi ramai pedagang melalui sistem mata wang, sukatan, infrastruktur dan pentadbiran yang sistematik,” katanya.



Kapal yang paling bagus untuk tujuan perdagangan dan ketenteraan jarak jauh pada zaman Kesultanan Melayu Melaka ialah jong yang digunakan sehingga abad ke-17 dan boleh membawa muatan 250 hingga 1,000 tan serta lebih 100 anak kapal

Prof Madya Dr Pisol Maidin

Pensyarah Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam UiTM



Kelebihan itu digunakan sebaiknya oleh pemerintah Melaka dengan menjadikannya sebagai pelabuhan yang disenangi ramai pedagang melalui sistem mata wang, sukatan, infrastruktur dan pentadbiran yang sistematik

**Dr Sharifah Kartini
Said Husain**

Pensyarah Institut Penyelidikan Matematik UPM



KEKUATAN bangsa Melayu dalam teknologi perkapalan dikisahkan dalam Sejarah Melayu menerusi angkatan kapal Melaka ke China.